

21/03/2004

30 petugas sukarela Puteri agih risalah

KUALA LUMPUR: Hari terakhir berkempen bagi meraih undi tidak disia-siakan seramai 30 petugas sukarela Puteri Umno yang giat mengagihkan risalah mengenai kepentingan mengundi di lima lokasi sekitar ibu kota, semalam.

Kira-kira 20,000 risalah 'Pentingnya Keluar Mengundi di Kalangan Pengundi Muda' diedar sepanjang program pengagihan sejak Jumaat lalu di lokasi strategik iaitu perkarangan Kompleks beli-belah KLCC, Sogo, Mid Valley, Plaza Bukit Bintang dan Berjaya Times Square.

Timbalan Pengerusi Tetap Puteri Umno, Sulasi Mahdi berkata pengagihan risalah pada hari terakhir itu diharap dapat mencetus kesedaran, terutama di kalangan pengundi generasi muda, untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan turun membuang undi bagi memilih kerajaan pemerintah.

"Petugas Puteri Umno hari ini bekerja atas dasar cintakan negara dan hasrat mereka untuk memastikan negara terus diuruskan oleh kerajaan yang kukuh, bagi memastikan kesejahteraan berterusan," katanya.

Setiausaha Puteri Umno Wilayah Persekutuan, Norlaili Mohamed yang ditemui di perkarangan KLCC, berkata pembabitan petugas Puteri berusia antara 18 hingga 35 dalam proses pilihan raya kali ini, menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Katanya, isi risalah yang berbentuk ringan dan mudah difahami juga membantu memudahkan usaha mereka meningkatkan kesedaran dan minat di kalangan kumpulan sasaran iaitu pengundi dari generasi muda.

"Memandangkan kami Puteri dan kumpulan sasaran kami ialah generasi muda, nampak mereka lebih selesa, yakin dan terbuka untuk menerima maklumat daripada kami," katanya.

Sementara itu, Naib Ketua Puteri Bahagian Titiwangsa, Azie Abd Rahman menggesa golongan muda keluar mengundi sebagai tanda sokongan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemerintahan Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.